

SG50: Wadah bagi Melayu pertingkatkan sumbangan kepada negara

Ucapan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, semasa pelancaran SG50 Kita di Taman Warisan Melayu Sabtu lalu.



MENYUMBANG DEMI NEGARA: Antara anggota SG50 KITA (dari kanan) ialah Timbalan Pengerusi SG50 KITA, Cik Zuraidah Abdullah; Pengerusi SG50 KITA, Encik Sallim Abdul Kadir; Editor Coconuts Media, Cik Hidayah Selamat; Dr Yaacob; Timbalan Pengerusi SG50 KITA, Encik Zahidi Abdul Rahman; pereka fesyen, Cik Nur Hafizah Ghazali; eksekutif perhubungan korporat, Cik Hamidah Aidillah Mustafa; Timbalan Setiausaha Kehormat Pergas, Ustaz Muhammad Nuzhan Abdul Halim; guru Bahasa Melayu dari Sekolah Rendah Fuchun, Cik Nur Amirah Abu Hasan; dan Pengerusi Lembaga Pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Azmoon Ahmad. - Foto KHALID BABA

1 Oct 2014

Berita Harian

SAYA melihat peluang menyambut ulang tahun yang ke-50 Singapura (SG50) tahun depan sebagai satu peluang keemasan bagi masyarakat kita. Kita boleh memanfaatkan perayaan SG50 sebagai titik tolak bagi masyarakat kita melebar-luaskan satu gerakan untuk menyumbang kepada negara di peringkat nasional.

Jika satu tinjauan rambang dijalankan di kalangan generasi saya, anda akan dapati matlamat kami ialah untuk huraikan masalah masyarakat. Apabila kita menghuraikan masalah masyarakat, kita akan huraikan masalah negara.

Tetapi 50 tahun akan datang tidak boleh lagi berlegar tentang soal menghuraikan masalah. Sebaliknya ia harus tertumpu kepada mencorak masa depan yang kita impikan bersama.

Inilah satu peluang terbaik bagi kita membentuk satu jawatankuasa yang bersifat nasional - bukan jawatankuasa Melayu dengan tujuan tunggal untuk mencetus keghairahan di kalangan masyarakat Melayu

tentang masa depan kita bersama dan bagaimana setiap kita boleh menyumbang dan memainkan peranan dalam perbincangan untuk mencapai impian kita bersama ini.

Ukurtara Prestasi Utamanya (KPI) memang tinggi. Tetapi jika kita dapat mencetuskan minat golongan muda Melayu supaya memikirkan tentang masa depan yang lebih cerah yang mereka inginkan, demi Singapura lebih baik, saya rasa kita telah berjaya.

Banyak yang boleh kita lakukan dan kita telah pun mula membincangkannya. Tugas utama SG50 KITA ialah menghargai sumbangan Presiden pertama Singapura, Allahyarham Yusof Ishak. Bagaimana kita dapat memperingatinya sebagai seorang ikon nasional, bukan setakat ikon masyarakat Melayu? Juga bagaimana nilai-nilai yang beliau pegang teguh merupakan nilai-nilai Singapura yang boleh kita kongsi dan dilestarikan bersama generasi mendatang.

Kita perlu mengumpulkan dana bagi Kerusi Profesor Yusof Ishak dalam Sains Kemasyarakatan. Jumlah \$2.4 juta (Sasaran yang ditetapkan ialah \$6 juta. Pemerintah memberi tokokan \$1.50 bagi setiap \$1 yang terkumpul) merupakan jumlah yang mampu dikumpulkan jawatankuasa ini. Sokongan badan-badan bukan Melayu/Islam boleh dimanfaatkan kerana beliau merupakan seorang ikon nasional. Kita juga boleh dapatkan dana daripada pelbagai yayasan, para individu yang murah hati serta masjid dan badan-badan Melayu untuk menyumbang.

Satu lagi idea ialah 'Minggu Khidmat Untuk Negara' tahun depan. Ini adalah satu wadah yang berkekalan atau berpanjangan untuk kita semua berganding bahu - masjid, madrasah, badan-badan Melayu/Islam dan kumpulan-kumpulan lain menabur bakti kepada negara. Kita boleh memikirkan idea-idea yang besar tetapi apa yang menyatu padukan hati-hati kita ialah apabila kita membantu golongan warga emas dan golongan miskin, keluarga yang memerlukan dari hari ke hari. Saya ada beberapa idea tetapi kita harus fikirkan bersama, sama ada kita ingin melakukannya di bulan Ramadan atau minggu Rahmatan Lil Alamin.

Mesti ada usaha untuk menyelaraskan usaha ini kerana kita ingin menarik lebih ramai orang Melayu/Islam untuk menyumbang dari segi buah fikiran. Ini merupakan satu peluang untuk menarik golongan muda Melayu/Islam supaya ghairah memikirkan masa depan Singapura dan bersedia untuk memainkan peranan bagi mencorak masa depan yang lebih cerah untuk semua.

Generasi warga emas kita juga begitu. Mereka yakin dengan masa depan Singapura. Apabila Singapura merdeka, mereka tidak berhijrah ke seberang tambak tetapi memilih untuk jatuh bangun bersama negara. Alhamdulillah, 50 tahun kemudian, ternyata keputusan mereka adalah suatu yang baik untuk Singapura dan telah menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran yang kita nikmati hari ini.

Malah, Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, mengiktiraf sumbangan golongan perintis Melayu semasa majlis meraikan generasi perintis di Istana awal tahun ini. Beliau mengucapkan terima kasih kepada golongan perintis Melayu kerana mengambil keputusan untuk terus tinggal di Singapura dan tidak berhijrah. Ia merupakan satu pengiktirafan besar pihak pemerintah kepada masyarakat Melayu.

Bolehkah generasi muda Melayu melakukan perkara yang sama? Ini perbincangan yang menarik yang saya harap anggota jawatankuasa ini dapat memikirkannya. Saya mempunyai beberapa idea untuk dipertimbangkan. Ini bukan satu projek tetapi satu proses. Berfikirlah secara meluas di luar norma biasa. Tanya diri anda sendiri tentang kedudukan bagaimanakah yang anda mahukan 10 hingga 20 tahun mendatang sebagai seorang Melayu Singapura? Apakah corak Singapura yang anda inginkan? Inilah peranan generasi muda.

Saya juga mahu melihat asatizah muda kita tampil kerana mereka mempunyai peranan yang penting untuk dimainkan. Islam penting dalam kehidupan kita. Tetapi kita perlu menyejagatkan Islam, bukan sahaja

untuk orang Melayu. Sejak memegang jawatan ini selepas 9/11, saya dapati kita bijak dalam menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat Islam tetapi tidak kepada masyarakat bukan Islam.

Kejadian 9/11 memaksa kita memperbaiki kemampuan kita dalam hal ini. Alhamdulillah, selepas 10 hingga 14 tahun, banyak program yang dijalankan bagi menyebarkan Islam sebenar kepada golongan bukan Islam dengan menggunakan pendekatan yang tidak memaksa. Sekarang, masyarakat bukan Islam lebih memahami gaya hidup kita seperti makanan halal dan mengapa Ramadan penting untuk kita. Malah, mereka juga sanggup melibatkan diri untuk menyertai acara-acara keagamaan itu. Ini merupakan satu hasil yang baik.

Jadi, ini adalah antara perbincangan yang perlu anda fikirkan. Identiti dan agama kita amat penting. Tetapi, 20 hingga 50 tahun mendatang, Singapura akan menjadi sebuah negara kosmopolitan. Apakah visi yang anda inginkan bersama?

SG50 KITA merupakan satu peluang keemasan. Jika kita melakukannya dengan baik, masyarakat kita akan mendapat inspirasi dan terdorong untuk mengejar impian kita bersama. Jika tidak, kita akan terus terperangkap di takuk lama. Kita perlu maju ke hadapan.

Apabila idea pembentukan jawatankuasa ini tercetus setahun yang lalu, saya yakin pasti ada anggota masyarakat kita yang akan tampil ke hadapan untuk membuat sumbangan. Terima kasih di atas pengorbanan anda.

"SG50 KITA merupakan satu peluang keemasan. Jika kita melakukannya dengan baik, masyarakat kita akan mendapat inspirasi dan terdorong untuk mengejar impian kita bersama. Jika tidak, kita akan terus terperangkap di takuk lama. Kita perlu maju ke hadapan."

- Dr Yaacob Ibrahim.